

Petisyen Parlimen di Dewan Rakyat: Analisis Perbandingan dan Cadangan untuk Memperkasakan Penyertaan Awam di Parlimen

*Parliamentary Petitions in the Dewan Rakyat:
Comparative Analysis and Proposals for Strengthening
Public Participation in Parliament*

*Maha Balakrishnan**

Abstrak

Petisyen Parlimen ialah satu mekanisme yang kekal mantap dalam badan perundangan di serata dunia. Namun begitu, tatacara petisyen (rayuan) di Parlimen Malaysia dan badan perundangan subnasionalnya tidak berkembang. Tumpuan kajian ini adalah untuk memberi pencerahan tentang tatacara petisyen di Dewan Rakyat dan halangan sedia ada kepada kebolehgunaanya. Kajian ini dilakukan melalui aplikasi analisis perbandingan dua tahap – pertama, pada peringkat antarabangsa dengan House of Commons UK dan House of Commons Kanada; dan kedua, pada peringkat subnasional dengan Dewan Undangan Negeri Selangor, Sarawak, dan Sabah. Kajian ini mendapati bahawa peraturan sedia ada tidak memberi perincian yang mencukupi tentang skop, format, dan kandungan petisyen termasuk ciri-ciri yang perlu ada. Peraturan tersebut juga tidak menggariskan secara tuntas proses penyerahan, pembentangan, dan pertimbangan petisyen. Kajian ini diakhiri dengan cadangan-cadangan untuk mengukuhkan tatacara ini di Dewan Rakyat, supaya tujuan asas petisyen Parlimen mampu dicapai, iaitu untuk menyediakan hala tuju penyertaan awam dalam proses perundangan.

Kata kunci: petisyen Parlimen, Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri, penyertaan demokratik, parlimen terbuka

* Maha Balakrishnan ialah Perunding Bebas Strategi Dasar dan Felo Penyelidik di Pejabat Asia, Rangkaian Penyelesaian Pembangunan Mampan PBB (SDSN-Asia) di Universiti Sunway, Malaysia.

Abstract

Parliamentary petitions are an established mechanism in legislative bodies around the world. Yet, the petitions procedures in the Malaysian parliament and its sub-national legislatures have not flourished. This study focuses on unpacking the petitions procedure in the Dewan Rakyat and impediments to its usability, by applying a two-level comparative analysis: first at the international level involving the UK House of Commons and Canadian House of Commons; and second at the sub-national level involving the state legislative assemblies of Selangor, Sarawak, and Sabah. This study identifies that existing rules do not provide sufficient clarification about the scope, format, and content of petitions including on vital features. The rules also do not clearly delineate the process for submitting, presenting, and deliberating petitions. This study concludes with recommendations to strengthen the procedure in the Dewan Rakyat so that the fundamental purpose of parliamentary petitions can be achieved, which is to provide a pathway for public participation in the parliamentary process.

Keywords: *Parliamentary petition, House of Representatives, State Legislative Assembly, democratic participation, open parliaments*

Pengenalan

Mekanisme petisyen Parlimen membolehkan sekumpulan rakyat mendesak parlimen mereka untuk mengambil tindakan perundangan bagi mencapai tujuan tertentu atau untuk manfaat golongan tertentu, sama ada tindakan tersebut merangkumi permintaan untuk memperkenalkan atau meminda undang-undang, atau menyemak semula dasar atau tindakan pentadbiran. Dalam tatacara-tatacara parlimen yang menjadi tetiang asas kepada parlimen yang efektif, petisyen ialah satu-satunya mekanisme formal yang membolehkan individu secara langsung menyalurkan aduan mereka kepada badan perundangan,¹ sehinggakan dalam sistem Westminster, petisyen Parlimen dianggap sebagai ‘hak asasi rakyat yang telah lama wujud’ untuk mengemukakan isu dan kebimbangan mereka kepada parlimen.²

1 D Reynolds and G. Williams, ‘Petitioning the Australian Parliament: reviving a dying democratic tradition’. (2016) 31(1) *Australasian Parliamentary Review* 60.

2 Parliament of Australia, *Infosheet 11 – Petitions* (Canberra, Department of the House of Representatives, 2019) https://www.aph.gov.au/About_Parliament/House_of_Representatives/Powers_practice_and_procedure/00_-_Infosheets/Infosheet_11_-_Petitions accessed 20 December 2024.

Banyak demokrasi di seluruh dunia telah menerima dan mengaktifkan mekanisme petisyen dalam proses parlimen mereka. Dari sudut pandang institusi kerajaan dan institusi parlimen, petisyen Parlimen boleh bertindak sebagai barometer pandangan dan keutamaan masyarakat. Prosedur petisyen Parlimen juga dianggap sebagai saluran pelaksanaan fungsi perwakilan seorang Ahli Parlimen, kerana ia menghubungkan masyarakat dengan wakil rakyatnya.³

Sejarah petisyen Parlimen bermula sejak abad ke-13.⁴ Prinsip asas dan pengiktirafan rasmi bentuk petisyen yang kini ada di Parlimen UK terkandung dalam dua resolusi House of Commons dari tahun 1669:⁵

Bahawa ia adalah hak semula jadi setiap rakyat biasa di England untuk menyediakan dan mengemukakan petisyen kepada House of Commons sekiranya terdapat aduan, dan House of Commons untuk menerima petisyen tersebut;

Bahawa ia adalah hak dan keistimewaan yang tidak boleh dipertikaikan bagi House of Commons untuk menilai dan menentukan, berkenaan dengan sifat dan perkara dalam petisyen tersebut, sejauh mana petisyen itu sesuai atau tidak sesuai untuk diterima.⁶

Menjelang abad ke-14, petisyen menjadi antara peranti utama yang digunakan untuk memperkenalkan undang-undang di Parlimen England. Daripada proses petisyen Zaman Pertengahan (*Medieval Period*) ini, muncul prosedur perundangan melalui penggubalan rang undang-undang.⁷ Sebagai contoh, dalam tempoh lima tahun antara 1840-1844, purata 18,636 petisyen telah dibawa ke Parlimen England yang antara lain merangkumi pelbagai peristiwa penentu seperti *Corn Laws*, *Poor Laws*, *Factory Legislation*, dan penggubalan *People's Charter*.⁸

3 Reynolds and Williams (n 1).

4 A.R. Myers, 'Parliamentary Petitions in the Fifteenth Century: Part I: Petitions from Individuals or Groups' (1937) 52 (207) *The English Historical Review*, 385; Reynolds and Williams (n 2).

5 D. Natzler and M. Hutton, *Erskine May's Treatise on the Law, Privileges, Proceedings and Usage of Parliament* (25th edn, para 24.2) <https://erskinemay.parliament.uk/> Accessed 20 December 2024.

6 Diterjemahkan daripada bahasa asal, iaitu bahasa Inggeris: Ibid.

7 UK House of Commons Select Committee on Procedure 1972, as cited in Reynolds and Williams (n 2) 62.

8 Ibid.

Namun begitu, pada pertengahan abad 1800-an, apabila persaingan politik berasaskan parti telah mula terserap dan menjadi tunjang utama sistem demokrasi berparlimen Westminster, tatacara parlimen turut diubah suai untuk menampung keutamaan yang diberikan kepada urusan kerajaan. Justeru itu, tatacara petisyen mula dilihat sebagai tidak lagi bermanfaat oleh pemimpin-pemimpin parti politik pada masa itu, kerana ia memberikan kawalan yang meluas terhadap agenda perundangan kepada rakyat, dan perbahasan parlimen mengenai petisyen mendominasi urusan Dewan. Seiring waktu, peraturan diperkenalkan di Parlimen untuk menghadkan urusan petisyen.⁹

Walaupun terdapat pengurangan secara beransur-ansur terhadap peranan dan pengaruh petisyen Parlimen di England, mekanisme ini kekal dimasukkan dalam prosedur parlimen di negara-negara yang mewarisi sistem Westminster, termasuk Malaysia, yang tatacara tersebut dimasukkan dalam peraturan tetap badan perundangan persekutuan dan negeri.

Hujung abad ke-20 dan awal abad ke-21 menyaksikan kebangkitan dan rekaan semula proses petisyen Parlimen di banyak negara seperti UK, Scotland, Kanada, dan Australia, termasuk pada peringkat subnasional. Trend ini juga dilihat dalam sistem parlimen bukan Westminster. Antara lain, penggunaan petisyen elektronik (e-petisyen) dan mekanisme maklum balas yang lebih baik membawa kepada kebangkitan semula minat dalam mengemukakan petisyen awam kepada parlimen di negara-negara ini, dan selanjutnya, kepada 'penglibatan semula rakyat dalam kerja-kerja parlimen'.¹⁰

Sistem e-petisyen ialah laman web yang dibina khusus di bawah kawalan parlimen yang membolehkan individu untuk mencipta petisyen baharu dan menandatangani petisyen dalam talian. Dalam hal ini, sistem e-petisyen Parlimen mesti dibezakan dengan platform tidak berinstitusi seperti Change.org, Avaaz.org, dan MoveOn.org. Petisyen parlimen tertanam secara rasmi dalam institusi perundangan dan kebiasaannya merangkumi mekanisme maklum balas parlimen yang formal manakala petisyen awam yang lain tidak mengenakan sebarang kewajipan formal kepada institusi yang berkuasa untuk memberikan maklum balas.

Hampir semua negara Eropah menggunakan sistem e-petisyen,¹¹ yang menandakan bahawa sistem petisyen formal telah menjadi sebahagian

9 Ibid.

10 Ibid 61.

11 F. Matthews, 'The Value of "Between-Election" Political Participation: Do Parliamentary E-Petitions Matter to Political Elites?' (2021) 23(3) *The British Journal of Politics and International Studies* 410,412.

penting dalam kehidupan politik. Sebagai contoh, sistem e-petisyen Westminster UK yang ditubuhkan pada 2015, menyaksikan ribuan e-petisyen dikemukakan setiap tahun yang ditandatangani oleh berjuta-juta pengguna unik dan ia 'dianggap secara meluas sebagai antara mekanisme yang paling berjaya untuk mempromosikan penglibatan awam dengan parlimen di badan-badan perundangan seluruh dunia'.¹²

Walaupun petisyen Parlimen kaya dengan sejarahnya dan telah berkembang penggunaannya di serata dunia, tatacara petisyen Parlimen di Malaysia kekal tidak bergerak. Malah, tiada rekod nyata mengenai petisyen Parlimen yang telah berjaya dibawa ke Dewan Rakyat dalam sejarah moden parlimen kita. Hal ini mungkin disebabkan oleh peraturan dan prosedur yang tidak jelas, serta kekurangan pengetahuan tentang tatacara tersebut dalam kalangan ahli badan perundangan – bukan sahaja pada peringkat persekutuan, malahan pada peringkat negeri.

Maka, tujuan kajian ini adalah – pertama, untuk membincang peraturan dan prosedur sedia ada mekanisme petisyen Parlimen di Dewan Rakyat dan mengenal pasti jurang dan kelemahan yang mungkin mempengaruhi penggunaan dan keberkesanannya, dan kedua, untuk mencadangkan cara mengatasi jurang dan kelemahan ini dengan rujukan kepada prosedur dan amalan di badan-badan perundangan lain. Motivasi utama kajian ini adalah untuk mencari jalan supaya prosedur parlimen penting ini dapat memenuhi tujuannya dan tersedia untuk kegunaan kedua-dua Ahli Parlimen dan masyarakat Malaysia.

Metodologi

Kajian ini dijalankan terutamanya melalui analisis perbandingan prosedur petisyen Parlimen dalam badan perundangan terpilih untuk membandingkan dan menilai persamaan dan perbezaan pada dua tahap:

- Perbandingan antara negara: Tatacara petisyen Dewan Rakyat dibandingkan dengan prosedur-prosedur di House of Commons UK dan House of Commons Kanada;
- Perbandingan subnasional: Tatacara petisyen Dewan Rakyat dan tatacara di Dewan Undangan Negeri (DUN) terpilih, iaitu Selangor, Sarawak dan Sabah, dibandingkan.

12 Ibid 411.

Untuk memastikan keseragaman dalam analisis perbandingan dua tahap ini, satu kerangka analisis ciri-ciri prosedur petisyen telah dirangka dan digunakan untuk tujuan penilaian pada kedua-dua tahap kajian.

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis kandungan bersumberkan penyelidikan primer dan sekunder yang merangkumi literatur daripada dokumen undang-undang, buku teks, jurnal, kertas kajian, kertas dasar, serta penerbitan rasmi badan-badan perundangan dan kerajaan. Sumber data turut merangkumi peraturan mesyuarat parlimen dan teks autoritatif mengenai prosedur dan amalan parlimen, selain penyelidikan akademik dalam bidang berkaitan.

Nilai guna petisyen parlimen

Sebelum memulakan analisis perbandingan prosedur petisyen, adalah wajar untuk menilai terlebih dahulu, manfaat dan cabaran mekanisme ini serta nilai yang boleh diraih kepada demokrasi berparlimen secara keseluruhan. Seperti mekanisme parlimen yang lain, petisyen Parlimen ialah satu cara untuk menyempurnakan pelbagai fungsi dan objektif parlimen dan ahli-ahlinya. Sebagai satu peranti demokrasi berparlimen, petisyen mempunyai 'rekod yang panjang dan sering berkesan'.¹³

Namun begitu, menilai kejayaan dan kegagalan ialah usaha yang kompleks, kerana penilaian ini tidak boleh terhad kepada penentuan sama ada permohonan (*prayer*) dalam petisyen telah dicapai atau tidak. Majoriti besar pemohon tidak akan mencapai matlamat yang dinyatakan dalam petisyen mereka. Sebahagian daripada sebabnya ialah permohonan tersebut sering kali dirangka dengan cara yang kurang jelas. Parlimen kebiasaannya memerlukan pemohon untuk merangka permohonan mereka mengikut batasan tanggungjawab atau bidang kuasa parlimen tersebut. Barangkali, ini bermakna pemohon tidak dapat memasukkan kepelbagaian matlamat yang ingin mereka capai. Selain itu, sesetengah pemohon mungkin menilai kejayaan berdasarkan jumlah tandatangan sokongan yang diperolehi, peluang yang diberikan untuk didengari oleh institusi perundangan, peningkatan profil isu-isu yang menjadi perkara pokok sesuatu petisyen, atau sejauh mana petisyen itu mendapat perhatian pihak berkuasa. Dari perspektif badan perundangan pula, jumlah petisyen yang dikemukakan dan kadar penerimaan juga boleh menunjukkan trajektori demokrasi yang positif atau negatif.¹⁴

13 Reynolds and Williams (n 1).

14 C. Bochel, 'Process Matters: Petitions Systems in Britain's Legislatures' (2016) 22(3) *The Journal of Legislative Studies* 368; C. Bochel, 'Petitions Systems: Outcomes, "Success" and "Failure"' (2020) 73(2) *Parliamentary Affairs* 233.

Dalam keadaan ini, walaupun sesuatu petisyen tidak mencapai matlamat yang dinyatakan dalamnya, terdapat pelbagai tindakan dan impak lain yang boleh membawa kepada hasil yang positif bagi pemohon-pemohon petisyen. Antaranya:

- (a) **Sebagai sumber dan saluran maklumat:** Petisyen Parlimen ialah sumber maklumat langsung kebimbangan dan keutamaan orang awam. Petisyen boleh memberikan panduan kepada ahli-ahli perundangan mengenai arah dan beratnya sentimen orang awam terhadap dasar semasa dan tindakan pentadbiran.¹⁵ Aliran maklumat ini ialah dua hala; tindakan yang diambil oleh parlimen ke atas sesuatu petisyen boleh membawa kepada peningkatan kuantiti dan kualiti maklumat yang tersedia secara awam mengenai isu yang dibangkitkan. Sebagai contoh, sekiranya satu jawatankuasa parlimen diberikan kuasa khusus untuk mengkaji petisyen-petisyen Parlimen, maka jawatankuasa tersebut boleh menggunakan kuasa lazimnya untuk memperoleh maklumat daripada pelbagai badan awam dan swasta serta individu, selain untuk menguji kesahihan keterangan melalui dialog dan prosedur siasatan dengan pihak berkepentingan.¹⁶
- (b) **Mempengaruhi penetapan agenda (*agenda-setting*):** Pembentangan petisyen di dewan perundangan membolehkan orang awam mempengaruhi isu dasar yang dibincangkan dalam badan tersebut. Ia membolehkan isu-isu yang belum dibangkitkan atau yang tidak mahu dibangkitkan oleh kerajaan, untuk dipertimbangkan dalam badan tersebut, dengan kerajaan dikehendaki memberikan respons.
- (c) **Membawa (menjadi pemangkin) perubahan:** Petisyen Parlimen juga mempunyai potensi untuk membawa perubahan dasar atau undang-undang, tetapi potensi ini hanya akan menjadi hakikat sekiranya kewajipan parlimen dan kerajaan untuk memberi maklum balas tertera dalam peraturan dan amalan perundangan. Dalam erti kata lain, keberkesanan petisyen sebagai mekanisme tekanan dasar awam bergantung kepada sama ada 'elit politik bersedia menerima input awam'.¹⁷ Maka, persoalannya ialah,

15 N Corbett, 'Parliamentary Petitions: An Information Studies Perspective' (2010) 60 *Libri* 281.

16 Bochel (2020) (n 14).

17 Matthews (n 11) 410.

adakah sesuatu petisyen yang telah diterima oleh sebuah badan perundangan wajib dihantar kepada satu jawatankuasa untuk semakan dan tindakan selanjutnya, atau wajib dibahas di dewan perundangan? Ataupun, adakah kerajaan dikehendaki memberikan maklum balas secara bertulis untuk menyatakan pendirian kerajaan dan sama ada kerajaan akan memenuhi permintaan pemohon atau tidak? Dalam konteks ini, petisyen berfungsi sebagai alat untuk menggerakkan pendapat awam bagi menyokong tuntutan petisyen serta memajukan advokasi dasar, walaupun ia mungkin gagal membawa perubahan dasar atau undang-undang secara langsung.¹⁸

- (d) **Menentukan kedudukan dan had dasar:** Petisyen mempunyai potensi untuk berfungsi sebagai barometer kedudukan dan keutamaan masyarakat terhadap isu yang belum diuji dalam medan politik atau perundangan, atau isu yang mencetuskan perbezaan pendapat yang ketara dalam kalangan rakyat. Selain itu, petisyen dapat memaksa kerajaan dan blok politik untuk menyatakan pendirian mereka terhadap isu-isu tersebut.¹⁹
- (e) **Meningkatkan penglibatan awam:** Tatacara petisyen Parlimen dapat merapatkan hubungan antara parlimen dan rakyat. Walau bagaimanapun, terdapat kebimbangan bahawa kemudahan akses kepada proses e-petisyen mungkin telah ‘meningkatkan jangkaan awam terhadap perubahan dasar’.²⁰ Rentetan hal ini ialah ‘melainkan elit politik memberi perhatian kepada saluran baharu ‘suara’ rakyat dan mendengar perkara yang rakyat katakan, terdapat risiko yang signifikan bahawa sinisme awam akan semakin bertambah dan bukannya semakin pulih’.²¹ Namun begitu, jika tatacara parlimen menyediakan laluan untuk petisyen dibincangkan di parlimen dengan sekatan yang munasabah dan terhad, seorang pemohon akan sukar untuk berasa bahawa kebimbangan mereka tidak diambil serius. Oleh itu, keadilan proses dan prosedur ialah faktor terpenting untuk memastikan bahawa hasil-hasil ini dapat direalisasikan.²²

18 Corbett (n 15).

19 M Balakrishnan, *Unlocking the Powers of the Dewan Rakyat: The Rule Revisions Needed Now* (Kuala Lumpur, BERSIH, 2023) 69.

20 Matthews (n 11) 411.

21 Ibid 411.

22 Bochel (2016) (n 14)..

Analisis tatacara petisyen di Dewan Rakyat berbanding dengan badan perundangan Westminster yang lain

Tatacara petisyen Dewan Rakyat diperihalkan dalam Peraturan Mesyuarat (PM) 19, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.²³ **Jadual 1** di bawah meringkaskan peraturan dan peruntukan yang ditetapkan di bawah PM 19 bagi tatacara petisyen di Dewan Rakyat, mengikut kerangka analisis ciri-ciri utama prosedur petisyen. Maklumat mengenai tatacara di Dewan Rakyat dibahagikan dan diuraikan mengikut perkara-perkara yang diperincikan dan yang tidak diperincikan dalam peraturan tetap Dewan Rakyat. Di samping itu, **Jadual 1** juga membuat perbandingan elemen-elemen yang sepadan dalam prosedur petisyen kertas di House of Commons UK dan House of Commons Kanada.

Analisis perbandingan

Mod Petisyen

Hanya petisyen kertas yang diterima di Dewan Rakyat setakat ini, yang bertentangan dengan peningkatan petisyen dalam format elektronik di kebanyakan parlimen moden, seperti yang dibincangkan sebelum ini.

Skop

Petisyen daripada orang awam kepada Dewan Rakyat mesti dibawa oleh seorang Ahli Parlimen (PM 19(1)(a)). Seperti di Dewan Rakyat UK dan Dewan Rakyat Kanada, seorang Ahli Parlimen tidak boleh membawa petisyen daripada dirinya sendiri, atau petisyen yang beliau ialah penandatangan; tetapi petisyen seperti itu boleh dibawa oleh Ahli Parlimen lain (PM 19(2)(c)). Dari segi pendefinisian tujuan dan skop isu yang boleh dibawa melalui petisyen Parlimen:

- PM 19(1)(b) membenarkan permohonan yang meminta kerajaan untuk menanggung perbelanjaan kewangan daripada dana atau hasil awam, atau untuk menghapuskan hutang atau cukai yang terhutang kepadanya, dengan syarat mendapat kelulusan

²³ Malaysia, Dewan Rakyat, *Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat* (14th edn, Kuala Lumpur, Percetakan Nasional Malaysia Berhad 2018). Proses petisyen Parlimen dinamakan atau diterjemahkan sebagai 'Rayuan' di dalam PM 19; manakala versi Bahasa Inggeris pula kekal menggunakan terma 'Petition'.

daripada Menteri Kewangan.²⁴ Syarat ini berkaitan dengan Inisiatif Kewangan Kerajaan (*Financial Initiative of the Crown*) yang merupakan satu konvensi perlembagaan utama dalam sistem parlimen Westminster.²⁵ Walau bagaimanapun, perincian lanjut diperlukan tentang proses untuk mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan tersebut.

- PM 19(2)(b) mengecualikan sebarang rujukan dalam petisyen kepada mana-mana perbahasan atau kepada mana-mana usul kecuali jika notis mengenai usul tersebut terdapat dalam Buku Mesyuarat (sila rujuk kepada perkara 4 dalam **Jadual 1**). Maksud peruntukan PM 19(2)(b) kurang jelas dan memerlukan perincian lanjut untuk memastikan ia tidak mendatangkan ketidakadilan, terutamanya frasa “mana-mana perbahasan”. Jika diberikan takrif luas, frasa ini boleh merangkumi sebarang kenyataan yang disebut dalam sesuatu perbahasan perundangan, sama ada kenyataan tersebut berkait dengan perkara substantif yang sedang dibahas atau hanya sekadar kenyataan sampingan.

Selain daripada perkara di atas, tiada perincian mengenai tujuan petisyen dan julat perkara yang boleh diliputi di bawah sesuatu petisyen. Walaupun perincian ini tidak semestinya diperihalkan dalam peraturan mesyuarat, parlimen lain menangani isu ini dengan menyediakan teks penjelasan dan panduan yang boleh diakses secara awam. Contohnya:

- Dalam panduan bertulis dan nota penerangan mereka, House of Commons di kedua-dua UK dan Kanada menjelaskan bahawa petisyen mesti berkaitan dengan perkara yang boleh ditangani oleh Dewan itu, dan hanya boleh meminta tindakan yang jatuh di bawah bidang kuasa Dewan tersebut.
- Mereka juga menyediakan contoh, sampel petisyen, dan akses kepada petisyen sedia ada, yang pemohon petisyen boleh mendapatkan pemahaman dan idea lanjut.

Sekiranya Dewan Rakyat menyediakan tahap maklumat yang setara melalui, sebagai contoh, penerbitan nota penjelasan dan garis panduan, ia pasti akan meningkatkan pemahaman Ahli Parlimen dan orang awam

24 Melalui pengendorsan Menteri Kewangan: Ibid, PM 19(1)(b).

25 D Natzler and M Hutton, *Erskine May's Treatise on the Law, Privileges, Proceedings and Usage of Parliament* (25th edn, para 33.13).

mengenai tujuan dan skop petisyen Parlimen, serta keupayaan mereka untuk menggunakan prosedur tersebut dengan lebih berkesan.

Bentuk, susunan dan kandungan

Dalam nada yang serupa, bagi hal berkaitan dengan penerangan format dan susunan petisyen, PM 19 tidak menyatakan elemen-elemen tipikal yang perlu ada dalam teks petisyen. Hal ini bermaksud peraturan mesyuarat tidak menetapkan sama ada petisyen mesti:

- mengenal pasti siapakah pemohon petisyen (yakni melalui nama dan butiran pengenalan lain);
- menyatakan sebab (*grievance*) yang menjadi subjek petisyen tersebut; dan
- mengandungi permohonan (*prayer*) tindakan oleh Dewan Rakyat.

Sebaliknya, House of Commons UK dan Kanada mempunyai peraturan khusus dan/atau nota penjelasan/panduan, serta templat dan sampel yang tersedia untuk umum dan mudah diakses.

Dari segi penandatanganan petisyen, PM 19(2)(a) menjelaskan keperluan agar setiap halaman tandatangan mengandungi permohonan petisyen, dan individu yang tidak dapat menulis boleh meletakkan cap tanda mereka di hadapan dua orang saksi. Peraturan tersebut juga secara jelas menetapkan bahawa Ahli Parlimen yang membentangkan petisyen mesti mengesahkan bahagian atas petisyen dengan tandatangannya (PM 19(2)(d)) dan mencatatkan jumlah penandatanganan (PM 19(2)(e)). Walau bagaimanapun, peraturan mesyuarat tidak menyentuh maklumat asas dan penting yang perlu diketahui oleh mana-mana pemohon dan penandatanganan, antaranya:

- sama ada jumlah minimum tandatangan diperlukan;
- sama ada butiran seperti nama penuh, alamat, dan tandatangan asal diperlukan;
- sama ada petisyen mesti ditulis tangan, ditaip, atau dicetak di atas kertas;
- sama ada sebarang perubahan atau suntingan pada teks petisyen dibenarkan; dan/atau
- sama ada lampiran boleh disertakan bersama petisyen.

Sekali lagi, semua maklumat ini tersedia dalam peraturan dan panduan amalan di House of Commons UK dan Kanada. Di UK dan Kanada, peraturan mesyuarat dengan jelas menerangkan bahagian-bahagian yang perlu ada dalam petisyen, antaranya, alasan atau tujuan petisyen, diikuti oleh permintaan tindakan daripada Dewan Rakyat oleh para pemohon.

Panduan dan nasihat

Tiada saluran pertanyaan formal yang disediakan untuk pemohon petisyen yang berminat bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang proses tersebut atau untuk mendapatkan nasihat mengenai petisyen yang mereka ingin kemukakan.

Membawa petisyen di Dewan

Aliran proses untuk pembentangan petisyen di Dewan Rakyat juga hanya dijelaskan secara ringkas dalam peraturan bertulis. Sesuatu petisyen perlu diserahkan satu hari bekerja sebelum ia dibentangkan, dan mesti mendapat pengesahan daripada Yang di-Pertua Speaker sebelum Ahli Parlimen yang menaja petisyen itu boleh membentangkannya di Dewan (PM 19(2)(d)).

Proses pengesahan melibatkan pemeriksaan teliti terhadap petisyen oleh Setiausaha Dewan, dan petisyen itu boleh ditolak pada peringkat tersebut jika tidak mematuhi peraturan. Walau bagaimanapun, tidak seperti di House of Commons Kanada, tiada keperluan formal untuk Setiausaha Dewan atau Yang di-Pertua Speaker memberikan sebab-sebab penolakan petisyen.

Jika petisyen berjaya sampai ke peringkat pembentangan, maka pada hari pembentangan, Ahli Parlimen yang membentangkan akan berdiri dan menyatakan secara ringkas dan tepat berkenaan tujuan petisyen tersebut (PM 19(3)). Tiada perbincangan atau perbahasan dibenarkan. Seorang Ahli Parlimen boleh mengemukakan usul untuk mencadangkan supaya petisyen tersebut dibaca (PM 19(4)(a)), yang bermaksud ia akan direkodkan dalam Penyata Rasmi (*Hansard*). Walau bagaimanapun, ianya tidak jelas sama ada usul seperti itu boleh dikemukakan serta-merta pada masa pembentangan petisyen (yakni tanpa notis), walaupun ini disiratkan oleh konteks sekeliling.

Mengenai proses mengemukakan usul tersebut, PM 19 memberikan panduan yang agak jelas - usul tersebut mesti disokong, dan undian akan dilakukan tanpa perbahasan (PM 19(4)(b) & (c)). Tetapi selain daripada pilihan untuk petisyen dibacakan, tiada langkah selanjutnya

yang diberikan untuk mengambil tindakan terhadap petisyen, seperti merujuknya kepada jawatankuasa pilihan untuk pemeriksaan lanjut.

Mekanisme maklum balas

Dalam hal ini, PM 19 tidak memberikan sebarang ketetapan mengenai keperluan Dewan Rakyat atau Kerajaan untuk memberi maklum balas atau mengambil sebarang tindakan susulan terhadap petisyen yang dibentangkan di Dewan. Badan perundangan yang mempunyai proses petisyen yang lebih maju seperti House of Commons UK dan House of Commons Kanada menggunakan pelbagai mekanisme untuk memastikan setiap petisyen mendapat maklum balas rasmi.

Jadual 1: Perbandingan prosedur petisyen kertas di Dewan Rakyat dengan House of Commons UK dan House of Commons Kanada

No.	Ciri	Peraturan dan panduan tertera dalam peraturan tetap dan amalan bertulis sedia ada badan perundangan		
		Dewan Rakyat Malaysia ²⁶	House of Commons UK ²⁷	House of Commons Kanada ²⁸
1.	Mod	Petisyen kertas sahaja.	Petisyen kertas dan e-petisyen melalui laman web Dewan.	Petisyen kertas dan e-petisyen melalui laman web Dewan.

26 Data diperolehi dari: (i) Dewan Rakyat Malaysia, *Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat* <http://www.parlimen.gov.my/images/webuser/peraturan_mesyuarat/PMDR-bm.pdf> (dicapai 30 Disember 2024).

27 Data diperolehi dari: (i) UK House of Commons, *Standing Orders of the House of Commons: Public Business* <https://publications.parliament.uk/pa/cm5901/cmstords/so_829_05072024/so-contents.html>; (ii) Natzler and Hutton (n 5), paras. 24.1-24.26; (iii) UK Parliament, *Ask your MP to present a petition*, <<https://www.parliament.uk/get-involved/sign-a-petition/paper-petitions/>>; (iv) House of Commons Information Office, *Public Petitions* <<https://www.parliament.uk/globalassets/documents/commons-information-office/P07.pdf>>; (v) UK Parliament, *Commons Select Committee: Petitions Committee* <<https://committees.parliament.uk/committee/326/petitions-committee/>> (semua dicapai 30 Disember 2024).

28 Data diperolehi dari: (i) House of Commons Canada, *Standing Orders of the House of Commons* <<https://www.ourcommons.ca/procedure/standing-orders/Index-e.html>>; (ii) M. Bosc and A. Gagnon (eds), *House of Commons Procedure and Practice* (3rd edn, Ottawa, House of Commons, 2017), Chapter 22, <https://www.ourcommons.ca/procedure/procedure-and-practice-3/ch_22-e.html>; (iii) House of Commons Canada, *Paper Petitions – Guide and Terms of Use*, <https://www.ourcommons.ca/petitions/en/Home/AboutContent?guide=PIPaperGuide#appendix_a>; and (iv) Privy Council Office, *Guide for Parliamentary Secretaries*, <https://www.pm.gc.ca/sites/pm/files/inline-files/Guide_for_Parl_Sec_2015_Eng_3.pdf> (semua dicapai 30 Disember 2024).

No.	Ciri	Peraturan dan panduan tertera dalam peraturan tetap dan amalan bertulis sedia ada badan perundangan		
		Dewan Rakyat Malaysia	House of Commons UK	House of Commons Kanada
2.	Penyertaan orang awam secara langsung	Secara tidak langsung: • Memerlukan Ahli Parlimen untuk menyerahkan dan membentangkan petisyen. • Ahli Parlimen tidak boleh membawa petisyen yang beliau ialah seorang penandatangan.	Secara tidak langsung: • Pemohon petisyen memerlukan penglibatan Ahli Parlimen untuk serahan dan pembentangan petisyen ke/di Dewan • Petisyen daripada warganegara dan permastautin UK, warganegara UK yang bermastautin di luar negara, dan warganegara daripada koloni dan <i>dominion</i> UK akan diterima. • Seorang Ahli Parlimen tidak boleh membentangkan petisyen yang dia ialah penandatangan; tetapi Ahli Parlimen lain boleh membentangkan petisyen tersebut di Dewan.	Secara tidak langsung: • Pemohon petisyen memerlukan penglibatan Ahli Parlimen untuk serahan dan pembentangan petisyen. • Petisyen daripada warganegara dan permastautin Kanada akan diterima. • Seorang Ahli Parlimen tidak boleh membentangkan petisyen yang dia ialah penandatangan; tetapi Ahli Parlimen lain boleh membentangkan petisyen tersebut di Dewan.
3.	Skop petisyen: Perkara yang dibenarkan	Tiada perincian.	Diperincikan: • Perkara pokok sesuatu petisyen mestilah jatuh di bawah bidang perkara dalam tanggungan Dewan. Tindakan perundangan yang dipohon mestilah sesuatu yang boleh dilaksanakan di bawah bidang kuasa Dewan. • Petisyen boleh memohon perubahan dasar atau undang-undang, atau untuk menangani isu-isu tempatan atau nasional. • Petisyen yang menentang sesuatu resolusi atau rang undang-undang yang mengenakan cukai atau duti, boleh diterima.	Diperincikan: • Tindakan yang dipohon dalam petisyen mestilah sesuatu yang berada dalam kuasa dan bidang kuasa Dewan atau kerajaan persekutuan untuk dilaksanakan. • Petisyen boleh mengandungi permintaan yang menyarankan perbelanjaan dana awam.

No.	Ciri	Peraturan dan panduan tertera dalam peraturan tetap dan amalan bertulis sedia ada badan perundangan		
		Dewan Rakyat Malaysia	House of Commons UK	House of Commons Kanada
4.	Skop petisyen: Perkara yang dihadkan	Diperincikan: - Pemohonan yang meminta kerajaan untuk menanggung komitmen kewangan menggunakan dana awam, atau melepaskan atau mengurangkan hutang atau cukai yang terhutang kepadanya, atau mengubah/ membatalkan kadar, cukai atau duti, tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan kerajaan (Menteri Kewangan). - Petisyen tidak boleh merujuk kepada perbincangan yang sedang berlangsung di Dewan Rakyat atau Dewan Negara atau kepada mana-mana usul yang dimaksudkan kecuali notis usul tersebut terdapat dalam Buku Mesyuarat.	Diperincikan: Permohonan yang secara langsung meminta kerajaan untuk menanggung sesuatu pemberian atau caj tertentu tidak akan diterima kecuali jika disyorkan oleh kerajaan.	Diperincikan: - Permohonan yang meminta Dewan untuk mengambil tindakan yang <i>sub judice</i> tidak akan diterima. - Petisyen yang meminta pengusiran seorang Ahli Parlimen tidak akan diterima.
5.	Kandungan petisyen: Butiran pemohon	Tidak diperincikan: Butiran pengenalan pemohon yang mesti dimasukkan dalam petisyen (contohnya, nama penuh, alamat, dan lain-lain).	Diperincikan: Petisyen mesti memberikan penerangan ringkas mengenai pemohon.	Diperincikan: Petisyen mesti memberi penerangan ringkas mengenai pemohon.
6.	Kandungan petisyen: Maksud (tujuan)	Diperincikan: - Petisyen mesti menggunakan bahasa yang sopan. Tidak diperincikan: - Bahawa sebab-sebab untuk sesuatu petisyen mesti diperihalkan; - sebarang panduan mengenai cara untuk perihalkan sebab-sebab.	Diperincikan: - Sebab-sebab petisyen dikemukakan kepada Dewan. - Bahasa petisyen mesti bersopan dan berhemah, khususnya terhadap pemerintah berdaulat. Ia tidak harus membuat tuduhan yang menyinggung perasaan tentang nama baik atau kelakuan Parlimen, badan kehakiman, atau pihak berkuasa lain.	Diperincikan: - Pernyataan mengenai keluhan atau masalah yang ingin diatasi oleh pengadu. - Bahasa petisyen mesti bersifat sederhana dan hormat, khususnya terhadap pemerintah berdaulat. Ia tidak harus membuat tuduhan yang menyinggung perasaan tentang nama baik atau kelakuan Parlimen, badan kehakiman, atau pihak berkuasa perlembagaan lain.

No.	Ciri	Peraturan dan panduan tertera dalam peraturan tetap dan amalan bertulis sedia ada badan perundangan		
		Dewan Rakyat Malaysia	House of Commons UK	House of Commons Kanada
7.	Kandungan petisyen: Permohonan (seruan tindakan perundangan)	Tidak diperincikan atau disediakan: • Panduan atau parameter mengenai cara merangka permohonan petisyen, terutamanya bahawa ianya terhad kepada penyelesaian yang berada dalam bidang kuasa Dewan untuk mengambil tindakan.	Diperincikan: • Petisyen mesti mengandungi permohonan yang jelas untuk suatu penyelesaian yang berada dalam bidang kuasa Dewan untuk mengambil tindakan.	Diperincikan: • Petisyen mesti mengandungi permohonan yang menyatakan tindakan yang diinginkan oleh pemohon untuk diambil sebagai respons terhadap keluhan mereka.
8.	Kandungan petisyen: Penandatanganan (penyokong) petisyen	Diperincikan: • Bagaimana individu yang tidak dapat menulis boleh meletakkan tanda mereka pada petisyen. Tidak diperincikan: • Sama ada (dan berapakah) bilangan minimum tandatangan yang diperlukan; • butiran pengenalan seorang penandatanganan yang mesti disediakan dalam petisyen (contohnya, nama penuh, alamat, dan sebagainya).	Diperincikan: • Petisyen kertas mesti mengandungi nama, alamat, dan tandatangan asal para penandatanganan. • Tidak ada had minima bilangan tandatangan sokongan sebagai pra-syarat kepada keboleh terimaan petisyen kertas. • Butiran para penandatanganan mesti sepadan dengan deskripsi pihak pemohon. Contohnya, petisyen yang dinyatakan berasal dari penduduk UK hanya boleh mengandungi tandatangan dari penduduk UK.	Diperincikan: • Petisyen mesti mengandungi tandatangan asal dan alamat para penandatanganan. • Sesuatu petisyen memerlukan sekurang-kurangnya 25 tandatangan sokongan daripada warganegara atau permastautin Kanada (tidak termasuk Ahli-ahli Parlimen yang menyokongnya) untuk diterima di Dewan.

No.	Ciri	Peraturan dan panduan tertera dalam peraturan tetap dan amalan bertulis sedia ada badan perundangan		
		Dewan Rakyat Malaysia	House of Commons UK	House of Commons Kanada
9.	Format dan susunan petisyen	Diperincikan: - Permohonan perlu dimasukkan di bahagian atas setiap halaman tandatangan. Tidak diperincikan: - Sama ada petisyen mesti ditulis tangan atau ditaip; - sama ada dibenarkan jika terdapat sebarang pengubahsuaian atau suntingan yang ditandakan pada teks petisyen; - jika terdapat sebarang had mengenai panjang petisyen; - sama ada dibenarkan untuk menyertakan lampiran dalam petisyen.	Diperincikan: - Petisyen mesti ditujukan kepada House of Commons UK. - Petisyen mesti ditulis secara tangan atau dicetak di atas kertas. - Petisyen mesti mengandungi frasa penutup yang ringkas yang menunjukkan penghujung petisyen. - Halaman pertama petisyen perlu mengandungi teks penuh petisyen bersama beberapa tandatangan, manakala helaian berikutnya hanya perlu mengandungi permohonan petisyen di bahagian atas diikuti dengan tandatangan seterusnya. - Tiada sebarang pengubahsuaian atau penyuntingan bertanda boleh dibuat pada teks petisyen. - Tiada sebarang lampiran dibenarkan dalam petisyen, seperti surat atau affidavit. - Sebarang pemalsuan atau penipuan dalam penyediaan petisyen atau tandatangan mereka boleh dihukum sebagai penghinaan.	Diperincikan: - Petisyen mesti ditujukan sama ada kepada House of Commons Kanada, pihak kerajaan, seorang Menteri atau seorang Ahli House of Commons Kanada. - Petisyen mesti ditulis, ditaip atau dicetak di atas kertas. - Halaman pertama petisyen harus mengandungi teks penuh petisyen bersama sekurang-kurangnya tiga tandatangan, manakala helaian berikutnya hanya perlu mengandungi permohonan atau subjek petisyen di bahagian atas diikuti dengan tandatangan seterusnya. - Petisyen mestilah bebas dari sebarang pindaan atau suntingan bertanda pada teksnya. - Tiada lampiran yang dibenarkan dalam petisyen, seperti surat atau affidavit. - Sebarang pemalsuan/penipuan dalam penyediaan petisyen atau tandatangan boleh dianggap sebagai pelanggaran hak istimewa.

No.	Ciri	Peraturan dan panduan tertera dalam peraturan tetap dan amalan bertulis sedia ada badan perundangan		
		Dewan Rakyat Malaysia	House of Commons UK	House of Commons Kanada
10.	Peranan wakil perundangan yang membentangkan petisyen	Diperincikan: - Ahli Parlimen yang akan membentangkan petisyen mesti menyerahkannya kepada Setiausaha Dewan. - Ahli Parlimen mesti mengesahkan bahagian atas petisyen dengan tandatangannya dan bilangan penandatanganan petisyen tersebut. - Ahli Parlimen mesti memastikan bahawa bahasa dalam petisyen tidak menghina Dewan Rakyat atau Dewan Negara.	Diperincikan: - Ahli Parlimen mesti menandatangani nama beliau di sudut kiri atas halaman pertama petisyen. - Ahli Parlimen mesti memastikan petisyen itu tidak mengandungi sebarang ketidakaturan.	Diperincikan: - Ahli Parlimen mesti menandatangani nama beliau di bahagian belakang muka surat akhir petisyen. - Ahli Parlimen bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan atau ketidakpatuhan dalam petisyen tersebut.
11.	Penyerahan petisyen kepada badan perundangan	Diperincikan: Tempoh notis minima untuk menyerahkan petisyen kepada Setiausaha Dewan ialah satu hari penuh sebelum hari yang Ahli Parlimen ingin membentangkannya di Dewan.	Diperincikan: - Tempoh notis minima untuk menyerahkan petisyen kepada Setiausaha Dewan ialah sehari sebelum hari yang Ahli Parlimen ingin membentangkannya di Dewan. - Ahli Parlimen yang akan membentangkan petisyen mesti menyerahkan sekurang-kurangnya halaman pertama petisyen kepada Setiausaha Petisyen Awam untuk semakan.	Diperincikan: Tiada tempoh notis minima yang ditetapkan untuk menyerahkan petisyen kepada Setiausaha Petisyen (<i>Clerk of Petitions</i>).

No.	Ciri	Peraturan dan panduan tertera dalam peraturan tetap dan amalan bertulis sedia ada badan perundangan		
		Dewan Rakyat Malaysia ^a	House of Commons UK	House of Commons Kanada
12.	Kelulusan administratif: Peranan Setiausaha badan perundangan	Diperincikan: • Setiausaha mempunyai kuasa untuk menyemak petisyen sebelum ia dikemukakan kepada Speaker untuk kelulusan. Tidak diperincikan atau diperuntukkan: • Peluang bagi pemohon atau Ahli Parlimen yang berkenaan untuk membetulkan ketidakaturan dalam petisyen.	Diperincikan: • Setiausaha Petisyen Awam akan menyemak petisyen sebelum mengeluarkan notis pembentangan rasmi. • Jika terdapat keraguan mengenai kesahihan mana-mana tandatangan, Ahli Parlimen masih boleh mengemukakan jika beliau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa tandatangan tersebut adalah tulen; bagaimanapun, Dewan harus dimaklumkan mengenai tuduhan tersebut.	Diperincikan: • Setiausaha akan memastikan sama ada petisyen memenuhi keperluan dari segi bentuk dan kandungan. • Jika petisyen tersebut mematuhi peraturan, Setiausaha akan mengesahkannya dengan menandatangani dan melampirkan sijil, dan mengembalikan petisyen kepada Ahli Parlimen yang akan membentangkannya. • Jika petisyen tidak boleh disahkan, ia akan dikembalikan kepada Ahli Parlimen bersama nota penjelasan.
13.	Kelulusan administratif: Peranan Speaker badan perundangan	Diperincikan: • Kelulusan dan pengesahan bertulis oleh Speaker ke atas petisyen diperlukan sebelum ia boleh dibawa ke Dewan. Tidak diperincikan atau diperuntukkan: • Bahawa Speaker mesti memberi sebab-sebab penolakan sesuatu petisyen.	Speaker tidak memainkan peranan secara langsung dalam proses pelulusan petisyen.	Speaker tidak memainkan peranan secara langsung dalam proses pelulusan petisyen.

No.	Ciri	Peraturan dan panduan tertera dalam peraturan tetap dan amalan bertulis sedia ada badan perundangan		
		Dewan Rakyat Malaysia	House of Commons UK	House of Commons Kanada
14.	Panduan dan nasihat	Tidak diperincikan atau diperuntukkan: • Sekretariat Dewan Rakyat tidak diwajibkan secara tersurat untuk memberi panduan kepada pemohon petisyen atau Ahli Parlimen yang meminta nasihat. • Tiada arahan bertulis, soalan lazim (FAQ), garis panduan atau templat yang tersedia (mudah diakses) untuk orang awam atau Ahli Parlimen untuk menjawab atau menangani kekaburan dan kekurangan di dalam peraturan mesyuarat.	Diperincikan: • Sekiranya petisyen telahpun menerima tandatangan tetapi mengandungi ketidakaturan dalam teks petisyen, Setiausaha boleh membantu Ahli Parlimen dalam menyusun semula teks bagi membetulkan ketidakaturan tersebut. • Petisyen yang telah disusun semula mesti ditandatangani sekali lagi oleh sejumlah penyokong. Semasa membentangkan petisyen tersebut di Dewan, Ahli Parlimen boleh merujuk kepada petisyen asal dan bilangan penandatanganan di dalam petisyen asal. • Satu struktur templat untuk petisyen serta garis panduan disediakan oleh badan pentadbiran House of Commons UK dan boleh diakses secara terbuka di laman web Parlimen UK.	Diperincikan: • Pemohon atau Ahli Parlimen yang membentangkan petisyen dibenarkan mendapat panduan daripada Setiausaha Petisyen mengenai pematuhan teks cadangan dengan peraturan dan prosedur Dewan semasa menyediakan petisyen tersebut. • Cadangan templat petisyen serta garis panduan disediakan oleh badan pentadbiran House of Commons Kanada dan boleh diakses secara terbuka di laman web Parlimen Kanada.
15.	Penjadualan petisyen untuk pembentangan dalam badan perundangan	Diperincikan: • Terdapat slot masa tetap di dalam Aturan Urusan Mesyuarat harian untuk membentangkan petisyen di Dewan.	Diperincikan: • Terdapat slot masa tetap dalam Aturan Urusan Mesyuarat harian untuk membentangkan petisyen di Dewan.	Diperincikan: • Terdapat slot masa tetap dalam Aturan Urusan Mesyuarat harian untuk membentangkan petisyen di Dewan.

No.	Ciri	Peraturan dan panduan tertera dalam peraturan tetap dan amalan bertulis sedia ada badan perundangan		
		Dewan Rakyat Malaysia	House of Commons UK	House of Commons Kanada
16.	Proses pembentangan petisyen dalam badan perundangan	Diperincikan: - Pada hari petisyen dijadualkan untuk dibawa ke Dewan, Ahli Parlimen yang membentangkan petisyen tersebut mesti berdiri dan menyatakan dengan ringkas tujuan petisyen itu. Tidak diperincikan atau diperuntukkan: - Bahawa setelah dibentangkan, petisyen akan diterbitkan dalam penyata atau rekod rasmi Dewan.	Diperincikan: - Semasa membentangkan petisyen, Ahli Parlimen mesti memberi kenyataan ringkas tentang latar belakang pemohon, jumlah tandatangan dan kandungan petisyen, dan membaca permohonan. - Tiada perbahasan dibenarkan. - Selepas membuat kenyataan, Ahli Parlimen akan menyerahkan petisyen kepada Setiausaha (<i>Clerk of the Table</i>)²⁹ dan beliau akan membaca tajuk petisyen. - Semua petisyen rasmi diterbitkan dalam rekod rasmi Dewan.	Diperincikan: - Semasa membentangkan petisyen, Ahli Parlimen mesti memberi kenyataan ringkas mengenai sumber petisyen, perkara yang dibangkitkan, permohonan, dan jumlah tandatangan yang diterima. - Tiada perbahasan dibenarkan. - Selepas membuat kenyataannya, Ahli Parlimen akan menyerahkan petisyen kepada Pejabat Setiausaha (<i>Clerk at the Table</i>).³⁰ - Semua petisyen diterbitkan dalam rekod rasmi Dewan.³¹

29 D Natzler and M Hutton, *Erskine May's Treatise on the Law, Privileges, Proceedings and Usage of Parliament* (25th edn, paras 24.14, 24.15 and 24.19).

Terdapat juga proses penerimaan petisyen yang tidak rasmi, di mana Ahli Parlimen boleh meletakkan petisyen terus ke dalam beg petisyen. Petisyen tersebut tidak akan direkodkan sebagai petisyen yang telah dibentangkan.

30 M Bosc and A Gagnon (eds), *House of Commons Procedure and Practice* (3rd edn, Ottawa, House of Commons 2017) ch 22.

Terdapat juga proses untuk penyerahan petisyen secara tidak rasmi, di mana Ahli Parlimen terus mengemukakan petisyen kepada Pejabat Setiausaha (*Clerk at the Table*).

31 M Bosc and A Gagnon (eds), *House of Commons Procedure and Practice* (3rd edn, Ottawa, House of Commons 2017) ch 22.

Petisyen yang dibentangkan di dalam Dewan dan yang difailkan terus dengan Setiausaha akan dimasukkan ke dalam Jurnal Dewan. Ucapan Ahli Parlimen yang membentangkan petisyen di dalam Dewan akan direkodkan dan diterbitkan dalam Debat untuk hari tersebut.

No.	Ciri	Peraturan dan panduan tertera dalam peraturan tetap dan amalan bertulis sedia ada badan perundangan		
		Dewan Rakyat Malaysia	House of Commons UK	House of Commons Kanada
17.	Proses untuk petisyen dibaca dalam badan perundangan	Diperincikan: • Mana-mana Ahli Parlimen boleh membawakan usul untuk membacakan petisyen di hadapan Dewan Rakyat. • Usul boleh dibawa tanpa notis, mesti disokong (<i>“seconded”</i>) dan diundi tanpa perbahasan. Tidak diperincikan atau diperuntukkan: • Langkah seterusnya jika usul untuk membaca petisyen diluluskan.	Tidak relevan: Peraturan dan amalan bertulis menetapkan bahawa setiap petisyen yang dibentangkan di House of Commons UK: • akan diterbitkan di dalam rekod rasmi Dewan (<i>Hansard</i> dan <i>Votes and Proceedings</i>); dan • akan dirujuk untuk tindakan susulan secara automatik kepada jawatankuasa perundangan dan badan kerajaan yang berkenaan (baca di bawah).	Tidak relevan: Peraturan dan amalan bertulis menetapkan bahawa setiap petisyen yang dibentangkan di House of Commons Kanada: • akan diterbitkan di dalam rekod rasmi Dewan (<i>Hansard</i> dan <i>Votes and Proceedings</i>); dan • akan dirujuk untuk tindakan susulan secara automatik kepada jawatankuasa perundangan dan badan kerajaan yang berkenaan (baca di bawah).
18.	Proses untuk merujuk petisyen kepada jawatankuasa perundangan	Tidak diperincikan: • Bahawa petisyen yang telah dibaca akan dirujuk secara automatik kepada satu jawatankuasa perundangan; • sama ada boleh atau tidak untuk Ahli Parlimen membawa usul untuk merujuk petisyen ke jawatankuasa perundangan, sejurus selepas usul untuk membaca petisyen itu di Dewan diluluskan. Diperincikan: • Usul untuk merujuk petisyen kepada jawatankuasa boleh dibawa tanpa notis.		

No.	Ciri	Peraturan dan panduan tertera dalam peraturan tetap dan amalan bertulis sedia ada badan perundangan		
		Dewan Rakyat Malaysia	House of Commons UK	House of Commons Kanada
19.	Mekanisme maklum balas: Kewajipan badan perundangan untuk mengambil tindakan susulan	Tidak diperincikan: • Bahawa Dewan Rakyat mesti memberi maklum balas secara rasmi atau automatik terhadap sesuatu petisyen. Diperincikan: • Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat bagi Parlimen ke-15 diberi kuasa untuk mengkaji sebarang petisyen yang jatuh di bawah mandat bidang kuasa masing-masing.³²	Diperincikan: • Satu Jawatankuasa Pilihan berkenaan Petisyen menguruskan dan menyelia proses petisyen. • Jawatankuasa ini memutuskan petisyen yang harus dibahaskan oleh Dewan, dan petisyen yang memerlukan siasatan (inkuiri) lanjut oleh jawatankuasa. • Jawatankuasa juga akan menilai semua respons Kerajaan (baca di bawah). • Bagi petisyen yang dipilih untuk dibahas, terdapat slot masa tetap dalam Aturan Urusan Mesyuarat harian untuk pembentangan petisyen di Westminster Hall (setiap Isnin). Biasanya, usul untuk membahaskan petisyen akan dikemukakan oleh ahli jawatankuasa. Jawatankuasa ini boleh membenarkan pemohon dan pihak berkepentingan lain untuk berkongsi pandangan mereka dengan Ahli Parlimen sebelum perbahasan berlaku. Jawatankuasa juga diberi kuasa untuk mengambil bukti bagi memaklumkan perbahasan petisyen, serta menghasilkan laporan mengenai sesuatu petisyen.	Diperincikan: • Jika kementerian yang berkaitan gagal memberi maklum balas kepada sesuatu petisyen dalam tempoh masa yang ditetapkan, jawatankuasa perundangan yang berkenaan boleh mengambil tindakan (baca di bawah).

32 Malaysia, Dewan Rakyat, Penyata Rasmi, DR.2.2023 (2023)

No.	Ciri	Peraturan dan panduan tertera dalam peraturan tetap dan amalan bertulis sedia ada badan perundangan		
		Dewan Rakyat Malaysia	House of Commons UK	House of Commons Kanada
20.	Mekanisme maklum balas: Kewajipan kerajaan untuk mengambil tindakan susulan	Tidak diperincikan: • Bahawa kerajaan mesti memberi maklum balas secara rasmi atau automatik terhadap petisyen.	Diperincikan: • Pejabat Setiausaha mengirinkan setiap petisyen kepada Menteri yang berkaitan. • Jabatan kerajaan yang berkenaan akan mengeluarkan maklum balas bertulis, kebiasaannya dalam masa dua bulan. • Maklum balas ini mesti mematuhi garis panduan Jawatankuasa Petisyen. • Setiap maklum balas menteri terhadap petisyen akan diterbitkan dalam <i>Penyata Rasmi (Hansard)</i>. Salinan maklum balas juga akan dihantar kepada Ahli Parlimen yang mengemukakan petisyen serta kepada jawatankuasa perundangan yang berkenaan. • Semua respons kerajaan akan dinilai oleh Jawatankuasa Petisyen, dan jika didapati respons tersebut tidak memenuhi garis panduan, jawatankuasa akan meminta kerajaan untuk memberi maklum balas yang lebih baik.	Diperincikan: • Setiausaha mengemukakan setiap petisyen kepada Pejabat Majlis Privy (<i>Privy Council Office</i>), yang mengaturkan agar jabatan kerajaan yang berkenaan menyediakan maklum balas terhadap petisyen tersebut. • Kementerian yang berkaitan mesti memberi maklum balas dalam masa 45 hari selepas petisyen dirujuk kepadanya. • Maklum balas kerajaan biasanya dibentangkan di Dewan tetapi juga boleh diserahkan terus kepada Setiausaha. • Jika kementerian gagal memberi jawapan dalam tempoh masa 45 hari yang ditetapkan, kegagalan itu akan dirujuk kepada jawatankuasa perundangan yang berkenaan, dan jawatankuasa tersebut wajib bersidang dalam masa 5 hari untuk membincangkan kegagalan itu.

Tatacara petisyen Parlimen di Dewan Undangan Negeri

Fakta yang menarik untuk diperhatikan ialah mekanisme petisyen juga termaktub dalam peraturan mesyuarat hampir semua badan perundangan subnasional di Malaysia. Untuk gambaran yang lebih jelas, satu kajian ringkas dijalankan ke atas skop, peraturan, dan prosedur petisyen di tiga badan perundangan subnasional, iaitu Selangor, Sarawak

dan Sabah – bagi membandingkan mekanisme petisyen masing-masing antara satu sama lain dan dengan tatacara di Dewan Rakyat. Ketiga-tiga DUN ini dipilih kerana DUN ini mewakili ketiga-tiga wilayah dalam persekutuan Malaysia, dan secara kolektif, DUN ini dapat menunjukkan kepelbagaian prosedur petisyen dalam badan-badan perundangan Malaysia.

Analisis perbandingan

Dalam mengaplikasikan kerangka ciri-ciri prosedur petisyen Parlimen daripada **Jadual 1** kepada perbandingan pada peringkat subnasional, didapati bahawa terdapat beberapa persamaan dan perbezaan substantif antara prosedur petisyen di Dewan Rakyat dan di tiga DUN yang dipilih. **Jadual 2** di bawah merumuskan ciri-ciri persamaan dan perbezaan, manakala **Jadual 3** pula memperihalkan dengan lebih mendalam perbezaan dalam prosedur petisyen antara ketiga-tiga DUN tersebut.

Jadual 2: Rumusan persamaan dan perbezaan secara substantif tatacara petisyen kertas antara Dewan Rakyat, DUN Selangor, DUN Sarawak dan DUN Sabah

Ciri-ciri tatacara yang sama secara substantif	Ciri-ciri tatacara yang berbeza secara substantif
• Mod • Penyertaan orang awam secara langsung • Skop petisyen: Perkara yang dibenarkan • Skop petisyen: Perkara yang dihadkan • Kandungan petisyen: Butiran pemohon • Kandungan petisyen: Maksud (tujuan) • Kandungan petisyen: Permohonan (seruan tindakan perundangan) • Peranan Ahli Dewan yang membentangkan petisyen • Panduan dan nasihat • Penjadualan petisyen untuk pembentangan di Dewan • Mekanisme maklum balas: Kewajipan kerajaan untuk mengambil tindakan susulan	• Kandungan petisyen: Penandatanganan (penyokong) petisyen • Format dan susunan petisyen • Tempoh penyerahan petisyen kepada Dewan • Kelulusan administratif: Peranan Setiausaha Dewan • Kelulusan administratif: Peranan Speaker Dewan • Proses pembentangan petisyen di Dewan • Proses untuk petisyen dibaca dalam Dewan • Proses untuk merujuk petisyen kepada jawatankuasa perundangan • Mekanisme maklum balas: Kewajipan Dewan untuk mengambil tindakan susulan

Analisis perbandingan

Persamaan

Dari segi ciri-ciri di lajur kiri **Jadual 2**, peraturan dan peruntukan prosedur petisyen yang digariskan dalam peraturan tetap Dewan Rakyat, DUN Selangor, DUN Sarawak dan DUN Sabah adalah hampir sama, iaitu:

- hanya petisyen kertas diterima di DUN-DUN tersebut;
- hanya Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang boleh membentangkan petisyen di DUN;
- peraturan tetap DUN tidak menyatakan sama ada pemohon mesti dikenal pasti, dan jika ya, apakah butiran pengenalan yang diperlukan;
- peraturan tetap DUN juga tidak memperincikan tujuan dan jenis isu yang boleh dibangkitkan dalam sesuatu petisyen;
- tiada huraian atau batasan diberikan tentang jenis permohonan yang boleh diminta (iaitu permohonan mesti berkaitan perkara di bawah bidang kuasa DUN);
- peraturan tetap DUN juga tidak menyatakan bilangan minimum tandatangan yang diperlukan;
- peranan ahli badan perundangan yang membentangkan petisyen dijelaskan;
- tiada panduan dan nasihat yang disediakan secara terbuka kepada pemohon atau ADUN;
- pembentangan petisyen dijadualkan dalam aturan urusan mesyuarat DUN-DUN; dan
- tiada mekanisme disediakan untuk mendapatkan maklum balas daripada kerajaan kepada petisyen-petisyen yang diterima di DUN.

Perbezaan

Apabila terdapat perbezaan prosedur antara ketiga-tiga DUN yang dipilih (lihat jalur kanan **Jadual 2** dan **Jadual 3**) secara teoretikal,

peraturan dan peruntukan yang ditetapkan dalam peraturan mesyuarat DUN Sabah mendahului DUN Selangor, DUN Sarawak, dan Dewan Rakyat di bawah aspek-aspek yang berikut:

- Peraturan tetap DUN Sabah menetapkan maklumat utama yang perlu diberikan oleh seorang penandatangan petisyen.
- Peraturan tetap DUN Sabah menetapkan sekatan berkenaan dengan format dan susunan sesuatu petisyen.
- Sama seperti proses di House of Commons UK dan House of Commons Kanada, hanya Setiausaha sahaja (dan bukan Speaker) yang terlibat dalam proses kelulusan administratif petisyen di DUN Sabah. Namun, tiada keperluan untuk Setiausaha memberikan sebab jika petisyen ditolak.
- Juga seperti di UK dan Kanada, proses menerima dan merekodkan petisyen di DUN Sabah adalah automatik – sebaik sahaja petisyen dibentangkan, ia dianggap telah dibaca di Dewan kecuali seorang ADUN lain membawa usul untuk menolak penerimaan petisyen tersebut. Manakala, proses di Selangor dan Sarawak adalah serupa dengan di Dewan Rakyat, iaitu terdapat dua langkah proaktif yang perlu disempurnakan untuk memastikan petisyen direkodkan dan dianggap telah dibaca di Dewan.

Satu lagi perbezaan ketara adalah pada penyediaan mekanisme kewajipan memberi maklum balas. Mekanisme di Selangor adalah serupa dengan Dewan Rakyat yang mana tiada rujukan automatik sesuatu petisyen kepada jawatankuasa badan perundangan. Sebaliknya di Sabah dan Sarawak, sebaik sahaja petisyen dianggap telah dibaca di Dewan, ia akan dirujuk kepada jawatankuasa tetap DUN secara automatik.

Jadual 3: Perbandingan ciri-ciri khusus bagi tatacara petisyen kertas di Dewan Undangan Negeri (DUN) terpilih

No.	Ciri	DUN Selangor ³³	DUN Sarawak ³⁴	DUN Sabah ³⁵
1.	Kandungan petisyen: Penandatanganan (penyokong) petisyen	Diperincikan: • Bagaimana individu yang tidak dapat menulis boleh meletakkan tanda mereka pada petisyen. Tidak diperincikan: • Sama ada (dan berapakah) bilangan minimum tandatangan yang diperlukan; • butiran pengenalan seorang penandatanganan yang mesti disediakan dalam petisyen (contohnya, nama penuh, alamat, dan sebagainya).	Diperincikan: • Bagaimana individu yang tidak dapat menulis boleh meletakkan tanda mereka pada petisyen. Tidak diperincikan: • Sama ada (dan berapakah) bilangan minimum tandatangan yang diperlukan; • butiran pengenalan seorang penandatanganan yang mesti disediakan dalam petisyen (contohnya, nama penuh, alamat, dan sebagainya).	Diperincikan: • Petisyen mesti mengandungi tandatangan, nama, dan alamat para penandatanganan. Tidak diperincikan: • Sama ada (dan berapakah) bilangan minimum tandatangan yang diperlukan.

33 Data diperolehi dari Dewan Undangan Negeri Selangor, *Peraturan-peraturan Tetap Bagi Dewan Negeri Selangor 1965* (Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Negeri Selangor, 2023).

34 Data diperolehi dari Dewan Undangan Negeri Sarawak, *Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Sarawak* (Sarawak, 2011).

35 Data diperolehi dari Dewan Undangan Negeri Sabah, *Standing Orders of the Legislative Assembly of the State of Sabah* (Sabah, 2019).

No.	Ciri	DUN Selangor	DUN Sarawak	DUN Sabah
2.	Format dan susunan petisyen	Diperincikan: ● Permohonan perlu dimasukkan di bahagian atas setiap halaman tandatangan. Tidak diperincikan: ● Sama ada petisyen mesti ditulis tangan atau ditaip; ● sama ada dibenarkan jika terdapat sebarang pengubahsuaian atau suntingan yang ditandakan pada teks petisyen; ● jika terdapat sebarang had mengenai panjang petisyen; ● sama ada dibenarkan untuk menyertakan lampiran dalam petisyen.	Diperincikan: ● Permohonan perlu dimasukkan di bahagian atas setiap halaman tandatangan. Tidak diperincikan: ● Sama ada petisyen mesti ditulis tangan atau ditaip; ● sama ada dibenarkan jika terdapat sebarang pengubahsuaian atau suntingan yang ditandakan pada teks petisyen; ● jika terdapat sebarang had mengenai panjang petisyen; ● sama ada dibenarkan untuk menyertakan lampiran dalam petisyen.	Diperincikan: ● Petisyen mesti ditujukan kepada Ahli-ahli DUN Sabah. ● Permohonan perlu dimasukkan pada penghujung teks petisyen dan di bahagian atas setiap halaman tandatangan. ● Setiap halaman mesti mengandungi sekurang-kurangnya satu tandatangan. ● Petisyen mesti dicetak atau ditaip. ● Tiada sebarang pemotongan atau penyuntingan bertanda boleh dibuat pada teks petisyen. ● Petisyen boleh dikemukakan sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. ● Tiada sebarang lampiran dibenarkan dalam petisyen, seperti surat atau affidavit. Tidak diperincikan: ● Jika terdapat sebarang had mengenai panjang petisyen.

No.	Ciri	DUN Selangor	DUN Sarawak	DUN Sabah
3.	Penyerahan petisyen kepada Dewan	Diperincikan: Tempoh notis minimum untuk mengemukakan petisyen kepada Setiausaha DUN ialah satu hari penuh sebelum hari yang ADUN ingin bantangkannya di DUN.	Diperincikan: Tempoh notis minimum untuk mengemukakan petisyen kepada Setiausaha DUN ialah satu hari penuh sebelum hari yang ADUN ingin bantangkannya di DUN.	Diperincikan: Tempoh notis minimum untuk mengemukakan petisyen kepada Setiausaha DUN ialah dua hari penuh sebelum hari yang ADUN ingin bantangkannya di DUN.
4.	Kelulusan administratif: Peranan Setiausaha Dewan	Diperincikan: - Setiausaha mempunyai kuasa untuk menyemak petisyen sebelum ia dikemukakan kepada Speaker untuk kelulusan. Tidak diperincikan atau diperuntukkan: - Peluang bagi pemohon atau ADUN yang berkenaan untuk membetulkan ketidakaturan dalam sesuatu petisyen.	Diperincikan: - Setiausaha mempunyai kuasa untuk menyemak petisyen sebelum ia dikemukakan kepada Speaker untuk kelulusan. Tidak diperincikan atau diperuntukkan: - Peluang bagi pemohon atau ADUN yang berkenaan untuk membetulkan ketidakaturan dalam sesuatu petisyen.	Diperincikan: - Setiausaha mempunyai kuasa untuk menyemak petisyen dan meluluskannya melalui pengesahan bertulis. Tidak diperincikan atau diperuntukkan: - Bahawa Setiausaha mesti memberikan sebab-sebab penolakan sesuatu petisyen; - peluang bagi pemohon atau ADUN yang berkenaan untuk membetulkan ketidakaturan dalam sesuatu petisyen.
5.	Kelulusan administratif: Peranan Speaker Dewan	Diperincikan: - Kelulusan dan pengesahan bertulis oleh Speaker ke atas petisyen diperlukan sebelum ia boleh dibentang di Dewan. Tidak diperincikan atau diperuntukkan: - Bahawa Speaker mesti memberikan sebab-sebab penolakan sesuatu petisyen.	Diperincikan: - Kelulusan dan pengesahan bertulis oleh Speaker ke atas petisyen diperlukan sebelum ia boleh dibentang di Dewan. Tidak diperincikan atau diperuntukkan: - Bahawa Speaker mesti memberikan sebab-sebab penolakan sesuatu petisyen.	Speaker tidak memainkan peranan secara langsung dalam proses pelulusan petisyen.

No.	Ciri	DUN Selangor	DUN Sarawak	DUN Sabah
6.	Proses pembentangan petisyen di Dewan	Diperincikan: • Pada hari petisyen dijadualkan untuk dibawa ke Dewan, ADUN yang membentangkan petisyen tersebut mesti berdiri dan menyatakan dengan ringkas tujuan petisyen itu. Tidak diperincikan atau diperuntukkan: • Bahawa setelah dibentangkan, petisyen akan diterbitkan dalam penyata atau rekod rasmi Dewan.	Diperincikan: • Pada hari petisyen dijadualkan untuk dibawa ke Dewan, ADUN yang membentangkan petisyen tersebut mesti berdiri dan menyatakan dengan ringkas tujuan petisyen itu. Tidak diperincikan atau diperuntukkan: • Bahawa setelah dibentangkan, petisyen akan diterbitkan dalam penyata atau rekod rasmi Dewan.	Diperincikan: • Pada hari petisyen dijadualkan untuk dibawa ke Dewan, ADUN yang membentangkan petisyen tersebut mesti berdiri dan menyatakan dengan ringkas latar belakang pemohon, jumlah tandatangan dan inti pati petisyen, dan membaca permohonan. • Mana-mana ADUN lain boleh membawa usul untuk mencadangkan bahawa sesuatu petisyen tidak diterima atas alasan bahawa ianya tidak mematuhi peraturan. Usul tersebut boleh dibawa tanpa notis. Jika diluluskan, petisyen tidak akan diterima. Tidak diperincikan atau diperuntukkan: • Bahawa setelah dibentangkan, petisyen akan diterbitkan dalam penyata atau rekod rasmi Dewan.

No.	Ciri	DUN Selangor	DUN Sarawak	DUN Sabah
7.	Proses untuk petisyen dibaca dalam Dewan	Diperincikan: • Mana-mana ADUN boleh membawakan usul untuk membacakan petisyen di hadapan DUN Selangor. • Usul boleh dibawa tanpa notis, mesti disokong (<i>seconded</i>) dan diundi tanpa perbahasan. Tidak diperincikan atau diperuntukkan: • Langkah seterusnya jika usul untuk membaca petisyen diluluskan.	Diperincikan: • Mana-mana ADUN boleh membawakan usul untuk membacakan petisyen di hadapan DUN Sarawak. • Usul boleh dibawa tanpa notis, mesti disokong (<i>seconded</i>) dan diundi tanpa perbahasan. • Jika usul diluluskan, Setiausaha mesti segera membaca usul tersebut.	Tidak relevan: • Peraturan bertulis menyatakan bahawa setiap petisyen yang berjaya dibentangkan di DUN Sabah akan dirujuk untuk tindakan susulan secara automatik kepada jawatankuasa perundangan (baca di bawah).
8.	Proses untuk merujuk petisyen kepada jawatankuasa perundangan	Tidak diperincikan: • Bahawa sesuatu petisyen yang telah dibaca akan dirujuk secara automatik kepada satu jawatankuasa perundangan; • sama ada boleh atau tidak untuk ADUN membawa usul untuk merujuk petisyen ke jawatankuasa perundangan, sejourus selepas usul untuk membaca petisyen itu di Dewan diluluskan. Diperincikan: • Usul untuk merujuk petisyen kepada jawatankuasa boleh dibawa tanpa notis.	Diperincikan: • Sekiranya usul untuk membaca petisyen diluluskan dan petisyen dibaca di DUN, ia akan secara automatik dirujuk kepada Jawatankuasa Petisyen Awam (satu jawatankuasa tetap). • Walaupun dengan penetapan di atas, ia juga dinyatakan bahawa usul untuk merujuk petisyen kepada jawatankuasa boleh dibawa tanpa notis.	

No.	Ciri	DUN Selangor	DUN Sarawak	DUN Sabah
9.	Mekanisme maklum balas: Kewajipan Dewan untuk mengambil tindakan susulan	Tidak diperincikan: ● Bahawa Dewan Rakyat mesti memberi maklum balas secara rasmi atau automatik terhadap sesuatu petisyen.	Diperincikan: ● Satu Jawatankuasa Petisyen Awam perlu ditubuhkan sebagai jawatankuasa tetap di DUN Sarawak. ● Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk mempertimbangkan petisyen yang telah dibaca di DUN, termasuk untuk mengklasifikasikan petisyen, menyediakan abstrak, dan melaporkan balik kepada Dewan.	Diperincikan: ● Setiap petisyen yang berjaya dibentangkan akan dirujuk secara automatik ke Jawatankuasa Tetap DUN Sabah. ● Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk mempertimbangkan petisyen, termasuk untuk mengklasifikasikan petisyen, menyediakan abstrak, dan melaporkan balik kepada Dewan.

Kesimpulan dan cadangan

Peraturan mesyuarat Dewan Rakyat adalah sangat ringkas dalam menerangkan objektif petisyen Parlimen, apatah lagi dalam memberikan set peraturan yang jelas mengenai cara penyediaan dan penyampaian petisyen, maklumat yang perlu diberikan, dan cara Parlimen akan memberi respons terhadap petisyen. Sebagaimana yang digambarkan dalam **Jadual 2** dan **Jadual 3**, ciri-ciri utama proses petisyen – termasuk jurang dan kekaburan dalam peraturan bertulis – hampir serupa dalam sekurang-kurangnya tiga badan perundangan subnasional, walaupun terdapat perbezaan ketara di DUN Sabah dan DUN Sarawak.

Walau bagaimanapun, faktor utama ialah proses petisyen Parlimen sememangnya wujud dalam leksikon parlimen kita. Pelaksanaan terbaik bagi mencetuskan reformasi proses petisyen Dewan Rakyat adalah melalui pembaharuan secara menyeluruh. Selain daripada ketiadaan butiran asas dan penting dalam PM 19 yang amat diperlukan untuk memastikan proses sedia ada boleh diguna pakai, susunan peruntukan dalam PM 19 juga adalah tidak intuitif dan tidak mesra pengguna. Oleh itu, adalah disyorkan agar sistem petisyen dibaik pulih secara menyeluruh seperti berikut:

(a) *Mewujudkan sistem e-petisyen di samping sistem petisyen kertas*

Prosedur sistem e-petisyen bukan topik utama kajian ini, memandangkan tatacara petisyen sedia ada di Dewan Rakyat terhad kepada prosedur petisyen kertas sahaja. Namun begitu, adalah disyorkan untuk mewujudkan kedua-dua sistem petisyen kertas dan e-petisyen, dengan mengambil kira kepentingan memperkenalkan pendigitalan dan mekanisme hibrid dalam sistem perundangan. Sistem e-petisyen harus membenarkan mana-mana rakyat Malaysia untuk membuat petisyen dan menandatangani sokongan kepada sesuatu petisyen dalam talian. Oleh itu, ianya penting untuk sistem e-petisyen mempunyai laman web yang dibina khas di bawah kawalan parlimen yang menyediakan perlindungan keselamatan dan privasi berkaitan penerimaan dan penyimpanan data peribadi pemohon dan penandatanganan petisyen.

(b) *Memperjelaskan tujuan dan permohonan petisyen*

Pemohon petisyen perlu diberi penjelasan tentang jenis isu yang boleh dibangkitkan dalam petisyen kepada Dewan Rakyat dan jenis tindakan yang boleh diminta daripada Dewan. Sebahagian daripada perkara ini wajar dimasukkan ke dalam peraturan mesyuarat, manakala yang lain boleh disediakan melalui garis panduan bertulis, templat, dan contoh, seperti yang diamalkan di parlimen-parlimen Westminster yang lain.

(c) *Memperincikan elemen dan syarat tipikal petisyen*

Ianya penting bagi bakal pemohon petisyen dan penandatanganan untuk dimaklumkan dengan jelas berkenaan butiran yang perlu disertakan dalam petisyen supaya ia tidak ditolak. Elemen utama yang wajib ada dalam borang petisyen mesti diperincikan dengan jelas, termasuk pengenalan pemohon petisyen, pernyataan alasan atau tujuan petisyen, serta permohonan tindakan legislatif yang diminta oleh pemohon petisyen.

Selain itu, peraturan mesyuarat harus menyatakan dengan jelas butiran pemohon utama yang perlu disertakan dalam petisyen serta butiran pengenalan yang diperlukan daripada penandatanganan. Peraturan mesyuarat juga harus memperincikan dengan jelas

ambang tanda tangan yang diperlukan untuk setiap peringkat proses, contohnya, jumlah minimum tanda tangan untuk petisyen dibentangkan, jumlah minimum untuk petisyen dirujuk kepada jawatankuasa, dan jumlah minimum untuk mendapatkan maklum balas bertulis daripada kementerian yang berkaitan.

(d) Menyediakan saluran untuk panduan dan nasihat

Sebuah proses parlimen yang memberikan manfaat terus kepada rakyat tidak sepatutnya dilihat sebagai proses yang bersifat adversarial; sebaliknya, pengetahuan dan kepakaran sekretariat Dewan Rakyat sepatutnya mudah diakses oleh semua pihak yang layak untuk mengambil bahagian dalam proses tersebut. Ianya dicadangkan agar templat dan nota panduan disertakan bersama peraturan baharu dan disediakan di laman sesawang parlimen. Apabila sesuatu petisyen ditolak, sebab-sebab penolakan tersebut perlu diberikan secara bertulis. Pemohon petisyen dan Ahli Parlimen sepatutnya mempunyai akses kepada nasihat dan panduan daripada jabatan parlimen yang berkaitan untuk penyediaan petisyen, seperti yang diamalkan di parlimen-parlimen Westminster yang lain.

(e) Memperjelaskan dan mempermudah proses

Adalah tidak perlu untuk memisahkan proses pembentangan petisyen dan pembawaan usul untuk petisyen dibacakan di Dewan Rakyat, dan juga mungkin tidak perlu mewajibkan usul dibawa ke Dewan untuk merujuk petisyen kepada jawatankuasa tertentu. Sebaliknya, ianya lebih efisien dan berkesan untuk menetapkan ambang (had minima) tandatangan, yang juga akan mengurangkan risiko terjadinya “floodgates effect”. Ambang tandatangan yang berlainan boleh ditetapkan untuk setiap peringkat penting. Sebagai contoh, semua petisyen yang memenuhi ambang minima untuk penyerahan/penerimaan sesuatu petisyen harus dianggap sebagai telah dibaca di Dewan dan direkodkan dalam prosiding Dewan secara automatik. Petisyen yang memenuhi ambang yang lebih tinggi seharusnya layak untuk dirujuk kepada jawatankuasa pilihan dan/atau menerima respons bertulis secara langsung daripada kementerian yang bertanggungjawab.

(f) *Menubuhkan Jawatankuasa Petisyen*

Darisegi mekanisme respons, adalah disyorkan untuk menubuhkan Jawatankuasa Petisyen yang baharu dan tetap. Bidang kuasa dan fungsi jawatankuasa tersebut harus merangkumi tanggungjawab untuk mengkaji petisyen yang dikemukakan kepada Dewan dan memutuskan kelayakan sesuatu petisyen; menyiasat dan memutuskan tindakan yang perlu diambil selepas petisyen dirujuk kepada mereka; memberikan nasihat ad hoc mengenai sistem petisyen kepada pihak-pihak yang berkenaan; dan menjalankan semakan sistem petisyen Dewan Rakyat secara berkala.

Dengan penambahbaikan yang betul, tatacara petisyen di Dewan Rakyat mampu bersiap sedia untuk kegunaan Ahli Parlimen dan masyarakat Malaysia, serta mampu memajukan politik penyertaan di Malaysia, yang dari dahulu lagi merupakan maksud asal dan teras utama mekanisme petisyen Parlimen.

References

- Australia, House of Representatives Standing Orders (Canberra, Department of the House of Representatives, 2019).
- Australia House of Representatives, Infosheet 11: Petitions (Canberra, Department of the House of Representatives, 2019).
- Balakrishnan, M., *Unlocking the Powers of the Dewan Rakyat: The Rule Revisions Needed Now* (Kuala Lumpur, BERSIH, 2023). <https://BERSIH.org/download/unlocking-the-powers-of-the-dewan-rakyat/> dicapai 30 Disember 2024.
- Bochel, C., 'Process matters: petitions systems in Britain's legislatures' (2016) 22(3) *The Journal of Legislative Studies*, 368-84.
- Bochel, C., 2020. 'Petitions Systems: Outcomes, 'Success' and 'Failure'' (2020) 73(2) *Parliamentary Affairs*, 233-52.
- Bosc, M. and Gagnon, A. (eds), *House of Commons Procedure and Practice*, (3rd edn, Ottawa, House of Commons, 2017) <<https://www.ourcommons.ca/procedure-book-livre/Document.aspx?sbdid=E4D62BC0-8E05-4542-B4A2-057BD1DB4A6F&sbspidx=1&Language=E&Mode=1>> dicapai 30 Disember 2024.

Canada, House of Commons Canada, Paper Petitions – Guide and Terms of Use, <https://www.ourcommons.ca/petitions/en/Home/AboutContent?guide=PIPaperGuide#appendix_a> dicapai 30 Disember 2024.

Canada, House of Commons, Standing Orders of the House of Commons, (Ottawa, House of Commons, 2021).

Canada, Privy Council Office, Guide for Parliamentary Secretaries, (Canada, 2015) <https://www.pm.gc.ca/sites/pm/files/inline-files/Guide_for_Parl_Sec_2015_Eng_3.pdf> dicapai 30 Disember 2024”,

Corbett, N., ‘Parliamentary Petitions: An Information Studies Perspective’. (2010) 60 Libri, 281-97.

Dewan Rakyat Select Committee, Penyata Jawatankuasa Pemilih, (DR2022- , DR.2/2023) (Parlimen Malaysia, 2023).

Elder, D. (ed.), House of Representatives Practice. (7th edn, Canberra, Department of the House of Representatives, 2018).

Harris, M. and Wilson, D., McGee Parliamentary Practice in New Zealand (4th edn, Auckland, Oratia Books, 2017).

Malaysia, Dewan Rakyat, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (14th edn, Kuala Lumpur, Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 2018).

Malaysia. Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Matthews, F., ‘The value of ‘between-election’ political participation: Do parliamentary e-petitions matter to political elites?’ (2020) 23(3) The British Journal of Politics and International Studies, 410-29.

Myers, A.R., ‘Parliamentary Petitions in the Fifteenth Century: Part I: Petitions from Individuals or Groups’ (1937) 52(207) The English Historical Review, 385-404.

Natzler, D. & Hutton, M. (eds.), Erskine May’s Treatise on the Law, Privileges, Proceedings and Usage of Parliament, 25th ed. (London, LexisNexis, 2019) <<https://erskinemay.parliament.uk/>> dicapai 30 Disember 2024.

New Zealand House of Representatives, Standing Orders of the House of Representatives, (Wellington, House of Representatives, 2020).

Parliament of New South Wales, 2022. Consolidated Standing and Sessional Orders and Resolutions of the House, 57th Parliament, (Sydney, NSW Legislative Assembly, 2022).

Reynolds, D. and Williams, G., 'Petitioning the Australian Parliament: reviving a dying democratic tradition' (2016) 31(1) Australasian Parliamentary Review, 60-79.

Scottish Parliament, Standing Orders of the Scottish Parliament, 2nd Edition, 2nd Revision (Edinburgh, Scottish Parliament, 2022).

Smith, M.M. and Balakrishnan, M., Malaysian Parliamentary Procedure: A Guide to the Standing Orders of the Dewan Rakyat (Kuala Lumpur, Parliament of Malaysia, 2020).

UK House of Commons Information Office, Public Petitions (UK, House of Commons, 2010), <<https://www.parliament.uk/globalassets/documents/commons-information-office/P07.pdf>> dicapai 30 Disember 2024.

UK Parliament, Ask your MP to present a petition <<https://www.parliament.uk/get-involved/sign-a-petition/paper-petitions/>> dicapai 30 Disember 2024.

UK Parliament, Commons Select Committee: Petitions Committee <https://committees.parliament.uk/committee/326/petitions-committee/> dicapai 30 Disember 2024.

United Kingdom Cabinet Office, Guide to Parliamentary Work (London, Cabinet Office, 2024).

United Kingdom House of Commons, Standing Orders of the House of Commons: Public Business (London, The House of Commons, 2024).